

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**YKT 212 – Komunikasi Dan Budaya**

Masa : 3 jam

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan **SATU (1)** adalah wajib.

Sumbangan markah untuk setiap soalan adalah seperti yang dinyatakan.

1. Beri takrifan kepada lima dari konsep berikut dengan menggunakan contoh tertentu:
  - a) masyarakat massa
  - b) budaya kecil
  - c) pangkalan dan superstruktur (*base and superstructure*)
  - d) budaya popular
  - e) teori modenisasi
  - f) ideologi

(50 markah)
  
2. Jelas dan bandingkan konsep budaya yang diutarakan oleh golongan *Frankfurt School* dan sarjana pluralis. Beri contoh dalam perbincangan anda.

(25 markah)
  
3. Apakah yang dimaksudkan dengan hegemoni yang dipelopori Gramsci? Bincang konsep ini dengan mengambil kira peranan budaya dalam masyarakat.

(25 markah)
  
4. Reduksionisme teknologi (*technological reductionism*) membayangkan peranan utama yang dimainkan teknologi, khususnya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dalam perubahan masyarakat. Nilai perspektif ini dengan mengambil kira konteks masyarakat di Malaysia atau negara lain.

(25 markah)
  
5. Television swasta membuka peluang besar dari segi penajaan pelbagai program dan mesej serta pengembangan demokrasi. Bincang dakwaan ini dengan menghubungkan faktor pemilikan dan kawalan media di dalam negara anda.

(25 markah)